

Sesi Town Hall UMS platform k-tangan ketengahkan pendapat

MST 30.1.2018 3
OLEH JAINUDIN DJIMIN

gik UMS 2018-2020” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap dan memengerusikan Sesi Town Hall UMS2/2018 di Bilik Sri Menanti, UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL), kelmarin.

Turut menyertai program tersebut ialah Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof Dr Rasid Mail dan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Dr. Ismail Ali.

Selain itu, Pendaftar UMS, No'man Datuk Haji Ahmad, Bendahari, Zallifah Shadan, Ketua Pustakawan, Dayang Rukiah Ag Amit dan Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr Murnizam Haji Halik.

Pada sesi itu, Datuk Dr D. Kamarudin Naib Canselor turut menerangkan tentang nilai-nilai teras UMS iaitu Dynamic, Sustainable, Integrity,

Justice dan Happiness Index.

Beliau juga turut menjelaskan tentang transformasi UMS ke arah universiti/industri 4.0, mempertingkatkan pengalaman holistik pelajar dan Smart Eco UMS yang nerangkumi Pengajaran dan Pembelajaran 4.0, Pentadbiran 4.0 dan Penyelidikan 4.0.

“Semua warga universiti perlu bekerja keras secara pintar untuk mencapai hala tuju Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), industri, masyarakat dan UMS sendiri,” katanya.

Program yang bermula pukul 9 pagi itu turut dihadiri Timbalan Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr Geoffrey Harvey Tanakinjal, Dekan Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL), Dr Zaiton Othman dan Dekan Fakulti Komputeran dan Informatik (FKI), Prof Madya Dr Ag Asri Ag Ibrahim serta Timbalan Pendaftar Kanan UMSKAL, Zamri Haji Mo-

hammad Tuah.

Timbalan Pengarah Pusat Pengurusan Strategik dan Komunikasi Korporat (PPSKK), Prof Madya Dr Abdul Hamid Ahmad bertindak sebagai moderator program tersebut yang dihadiri pegawai, penyarah dan kakitangan yang bertemakan ‘Bersama-sama Kita Memacu Kecemerlangan UMS’.

Mengenai UMSKAL, Prof Dr Kamarudin berkata pihak pengurusan universiti telah, sedang dan akan menambahkan kemudahan infrastruktur, kemudahan ICT, pengangkutan dan penginapan pelajar selaras dengan kedudukannya sebagai kampus antarabangsa.

Tambah beliau, UMS akan bekerjasama dengan kepimpinan di Wilayah Persekutuan Labuan khususnya Ahli Parlimen Labuan, Datuk Rozman Isli bagi memastikan UMSKAL terus cemerlang dan disegani di rantau ini.

LABUAN: Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof Datuk Dr D Kamarudin D Mudin berkata, Sesi Town Hall mampu menjadi platform buat kakitangan menetengahkan pendapat sekaligus menyumbang kepada kemajuan UMS.

Beliau berkata, sesi itu juga memberi peluang kepada warga UMSKAL untuk terlibat dalam dialog konstruktif bersama pengurusan universiti, memberi ruang kepada ahli akademik dan bukan akademik untuk mengemukakan pandangan, cadangan, hasrat dan harapan tentang bagaimana UMS bergerak ke hadapan untuk terus cemerlang.

“Melalui sesi itu juga pihak universiti dapat mengumpul maklumat sebagai rujukan untuk menambah baik pencapaian UMS serta bahan dalam merangka Pelan Strate-



ALBUM ... Prof Datuk Dr Kamarudin (6 kanan) bergambar kenangan bersama Pegawai Utama UMS sempena program Sesi Town Hall UMSKAL, kelmarin.